

Set makanan hanya RM1 untuk pelajar UMP

SINAR HARIAN (PAHANG) 6 JAN 2017 M/S 25

KUANTAN - Prihatin dengan kebajikan mahasiswa yang berdepan dengan kos sara hidup yang tinggi memberi idea kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) Universiti Malaysia Pahang (UMP) menganjurkan program Projek Kongsi Rezeki 2.0.

Projek itu adalah suatu inisiatif dalam menyediakan juadah makan tengah hari serta ma-

kan malam kepada mahasiswa dengan setiap set makanan termasuk air dengan kadar serendah RM1 sahaja.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Datuk Dr. Yussérie Zainuddin berkata, projek kongsi rezeki yang masuk tahun kedua penganturan itu dijalankan bagi membantu mahasiswa yang kurang berkemampuan dari segi

keuangan.

“Projek ini juga mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar dan dijalankan serentak di kedua-dua kampus iaitu di Gambang dan Pekan.

“Pihak JHEPA sentiasa mengambil berat berkaitan isu-isu yang berkaitan dengan mahasiswa agar mereka dapat memberi tumpuan terhadap peperiksaan dan tidak mengganggu pembelajaran me-

reka sepanjang pengajian,” katanya pada Program Projek Kongsi Rezeki 2.0, semalam.

Katanya, mahasiswa hanya perlu membayar RM1 dan mempamerkan kad pelajar ketika mengambil makanan dan semua mahasiswa yang sedang mengikuti pengajian diploma dan ijazah layak menerima manfaat ini.

Katanya, UMP serius menangani isu kebajikan pelajar dan sentiasa meningkatkan usaha dalam membantu golongan yang memerlukan termasuklah memperkenalkan program MyGift UMP.

“Program ini juga menyasarkan golongan yang berasal daripada keluarga yang kurang berkemampuan dan yang ditahan PTPIN hingga terpaksa mengikat perut untuk menikmati makanan kerana faktor kekurangan sumber kewangan,” katanya.

Sementara itu, bagi Nur Sakinah Tajuddin, 22, dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik berkata, biasanya pada hujung semester ini kebanyakan mahasiswa berdepan kekurangan kewangan dan pemberian makanan dengan RM1 ini sangat bernilai.



Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) turut sama mengagihkan makanan kepada mahasiswa UMP dalam menjayakan Projek Kongsi Rezeki yang diadakan pada musim peperiksaan di universiti ini.